



PATRIOTISME MALAYSIA

NANGKIS NEOIMPERIALISME

RUHANIE HAJI AHMAD

3.650
UH

PATRIOTISME MALAYSIA PENANGKIS NEOIMPERIALISME

RUHANIE HAJI AHMAD



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

PUSTAKA PERDANA



1005723

PENGENALAN

Pembinaan insan dan generasi adalah tanggungjawab institusi keluarga, pendidikan dan masyarakat. Ini kerana pembinaan insan dan generasi adalah sebahagian daripada perjuangan pembinaan bangsa dan negara serta tamadun dan warisannya. Hakikatnya demikian kerana pembinaan insan dan generasi adalah sebahagian daripada perjuangan mengukuhkan perpaduan ummah dan ketahanan nasional, mengekalkan keselamatan dan keamanan negara, memelihara kesucian agama, menyanjung kedaulatan bangsa, dan mempertahankan kemerdekaan tanah air. Sebab itulah prasyarat utama pembinaan insan dan generasi bukan sekadar pembekalan pelajaran, ilmu dan pengetahuan secara formal. Ia juga memerlukan pembentukan sahsiah serta jati diri yang luhur, penjituan perpaduan dan permuafakatan, pengukuhan iman dan akidah, pemupukan nilai-nilai moral dan budi bahasa, penajaman persepsi dan daya fikir, pengayaan minda dan kreativiti, pemantapan semangat kenegaraan dan kebangsaan, serta penyemarakkan semangat juang dan patriotisme.

Bagaimanapun, perjuangan membina insan dan generasi di kalangan umat Islam hanya akan berjaya jika seseorang insan dibimbing secara konsisten untuk mengenal dan mentaati Allah Yang Maha Besar, Maha Kuasa, Maha Kaya, Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Pemurah, Maha Adil, Maha Pengampun dan Maha Mengetahui. Kelompok yang bukan Islam pula perlu dipupuk untuk sentiasa menghayati serta mengamalkan prinsip moral yang luhur dan prinsip nilai yang murni. Elemen ketuhanan, keagamaan, moral dan nilai ini

pula wajar diperkukuhkan dengan proses mengenal dan menghayati sejarah, diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Oleh itu, perjuangan membina insan dan generasi memerlukan satu dasar serta perancangan yang rapi, komprehensif, dan berkesan. Ia memakan masa yang panjang. Perlaksanaannya hendaklah secara berperingkat dan berterusan. Pendekatannya hendaklah secara formal dan tidak formal. Agensi pelaksanaannya adalah institusi keluarga, institusi masyarakat, tadika, institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi, institusi belia, institusi agama, pertubuhan sukarela, dan lain-lainnya.

Berasaskan hakikat di atas, adalah silap untuk sesiapa mentakrif bahawa PLKN adalah program tunggal mengenai pembinaan insan dan generasi di negara ini. PLKN adalah program pembinaan insan dan generasi yang formal. Ia merupakan lanjutan kepada proses pembinaan insan dan generasi yang telah dilaksanakan oleh institusi keluarga, menerusi kurikulum tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah, dan menerusi dinamisme sosialisasi masyarakat. Oleh itu, PLKN hendaklah disusuli dan dilengkapi dengan program pembinaan insan dan generasi yang dikendalikan secara tidak formal oleh institusi pendidikan tinggi, belia, masyarakat, organisasi sukarela dan organisasi kerjaya di seluruh negara. Menerusi pendekatan sebegini, sahsiah serta jati diri bangsa Malaysia pasti sentiasa murni dan patriotisme bangsa Malaysia pula sentiasa segar dan membara.

Atas kesedaran inilah saya menyediakan buku ini untuk merangsang banyak pihak mendebat dan mengartikulasikan soal pembinaan insan dan generasi di negara ini secara serius dan mendalam. Hasil perdebatan dan pengartikulasian tersebut, mudah-mudahan akan mendorong cendekiawan, teknokrat, birokrat dan kepimpinan negara untuk menggagaskan suatu dasar dan rancangan khusus mengenai pembinaan insan dan generasi pada abad ke-21. Sebab itulah buku ini menyorot beberapa aspek ancaman dunia mutakhir, tertumpu kepada Rukun Negara dan kesetiaanegaraaan, memfokus kepada Wawasan 2020 dan pembangunan generasi, dan menjurus kepada soal patriotisme Malaysia.

Mudah-mudahan buku yang tidak seperti ini akan membantu bangsa Malaysia menyedari serta menginsafi peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam pembinaan insan dan generasi. Mudah-mudahan pemikiran kerdil ini akan membantu bangsa Malaysia memahami situasi dunia mutakhir serta tuntutan dan cabarannya untuk diselaraskan dengan dasar dan rancangan pembangunan insan dan generasi Malaysia pada hari muka.

Saya dedikasikan buku ini kepada bangsa Malaysia, terutama sekali generasi muda, yang dituntut oleh zamannya supaya hidup secara progresif dengan semangat patriotisme yang sentiasa membara, daya tahan yang pukal, daya saing yang tinggi dan daya juang yang ikhlas, luhur, lagi perkasa. Semoga Allah akan terus memberkati perjuangan bangsa Malaysia yang berhasrat menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang pada hari muka.

Datuk Ruhanie Haji Ahmad
Mac 2005

KANDUNGAN

Kata-kata Perangsang	<i>vii</i>
Penghargaan	<i>ix</i>
Pengenalan	<i>xi</i>
Singkatan	<i>xv</i>
Prolog	1
Cermin Perjuangan Bangsa Malaysia	6
Neoimperialisme Zaman Mutakhir	21
Rukun Negara Pembentuk Bangsa	80
Wawasan 2020 Penjana Kemajuan	100
Gagasan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang	119
Patriotisme Malaysia Penangkis Neoimperialisme	127
Epilog	143
Rujukan	149
Indeks	151
Biodata	157